
**ANAK TAK SAH TARAF DAN KESANNYA KEPADA STATUS AGAMA: KAJIAN KES
ROSLIZA IBRAHIM**

***ILLEGITIMATE CHILDREN AND ITS IMPACT ON RELIGIOUS STATUS: A CASE STUDY
OF ROSLIZA IBRAHIM***

ⁱ Dzafir Firdaus Ahmad Zubairy, ⁱⁱ Mohd Hanafiah Abdullah, ⁱⁱⁱ Muhammad Nur Akmal Abdul Samad, ^{iv} Ahmad Mukhlis Jahani, ^v Muhammad Mutmain Ramlan & ^{vi}*Nisar Mohammad Ahmad

^{i-vi} Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: nisar@usim.edu.my

ABSTRACT

This article aims to discuss the views of Islamic jurists (fuqaha) on the issue of illegitimate children and its impact on religious status based on the Rosliza Ibrahim case. The issue of religious conversion or leaving Islam consistently raises conflicts and debates among legal practitioners in Malaysia. This phenomenon arises due to the collision between two different jurisdictions - the Syariah court jurisdiction and the civil court jurisdiction. Among the issues involved in this jurisdictional conflict are child custody rights, child maintenance, inheritance, and determination of one's religious status. When conflicts arise in determining someone's religious status, the courts inevitably refer to existing laws, including the Federal Constitution, which is the country's primary law. This writing is a qualitative study where library research methods were applied in data collection by referring to written materials such as academic books, book chapters, journal articles, and legal documents related to the research topic. The discussion in this article will also refer to decisions made by the High Court, Court of Appeal, and Federal Court in the Rosliza Ibrahim case, as well as comparisons with precedent cases in determining religious status and apostasy. The findings and analysis in this case show that the Federal Court in the Rosliza Ibrahim case maintained and followed decisions in precedent cases which provide jurisdiction to the Civil Court to hear cases relating to one's religious status, while the Syariah Court maintains jurisdiction in apostasy cases. However, the minority judgment in this case should be taken into account and considered, especially regarding the role of Islamic religious authorities such as the Fatwa Committee in providing views on cases involving Islamic law.

Keywords: *Illegitimate Children, Religious Conversion, Rosliza Ibrahim Case*

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan pandangan fuqaha tentang isu anak tak sah taraf dan kesannya terhadap status agama berdasarkan kes Rosliza Ibrahim. Isu penukaran agama atau keluar Islam sentiasa menimbulkan konflik dan perdebatan di antara pengamal undang-undang di Malaysia. Fenomena ini tercetus kerana pertembungan di antara dua bidang kuasa yang berbeza iaitu bidang kuasa mahkamah Syariah dan bidang kuasa mahkamah sivil. Antara isu-isu yang terlibat dalam pertembungan bidangkuasa ini ialah hak penjagaan anak, nafkah anak, harta pusaka dan penentuan status agama seseorang. Apabila timbul konflik dalam penentuan status agama seseorang, mahkamah tidak akan terlepas daripada merujuk undang-undang sedia ada termasuk Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang utama bagi negara. Penulisan ini merupakan kajian kualitatif di mana metod kajian perpustakaan diaplikasikan dalam pengumpulan data iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, bab dalam buku, artikel jurnal dan dokumen perundangan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perbincangan dalam penulisan artikel ini juga akan merujuk kepada keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan serta keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Rosliza Ibrahim serta perbandingan kes-kes duluan dalam penentuan status agama dan murtad. Dapatan dan analisis dalam kes ini menunjukkan bahawa Mahkamah Persekutuan dalam kes Rosliza Ibrahim mengekalkan dan mengikut keputusan-keputusan dalam kes duluan yang memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Sivil untuk membicarakan kes berhubung status agama seseorang manakala Mahkamah Syariah kekal mempunyai bidang kuasa dalam kes-kes murtad. Walau bagaimanapun, penghakiman minoriti dalam kes ini seharusnya diambilkira dan dipertimbangkan terutama berhubung peranan badan autoriti agama Islam seperti Jawatankuasa Fatwa untuk memberikan pandangan dalam kes-kes yang melibatkan hukum hakam Islam.

Kata Kunci: *Anak Tak Sah Taraf, Pertukaran Agama, Kes Rosliza Ibrahim*

Pendahuluan

Isu anak tak sah taraf atau anak yang lahir dari hubungan luar nikah di Malaysia menjadi fenomena yang membimbangkan dalam masyarakat hari ini. Situasi menjadi bertambah rumit apabila anak-anak yang tidak berdosa ini akan menjadi mangsa keadaan seperti dinafikan hak pendidikan kerana ibu bapa mereka tidak berkahwin atau tidak mempunyai sijil pernikahan selain mereka turut berhadapan stigma masyarakat yang memandang seorang kepada status mereka sepanjang hayat mereka. Berdasarkan laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sejak tahun 2008 hingga 2012 terdapat lebih 167, 073 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa bapa telah didaftarkan di JPN. Ini bermakna secara puratanya setiap tahun, kelahiran anak tanpa bapa adalah 33, 415 orang. Kelahiran ini juga melibatkan kelahiran oleh kanak-kanak yang berumur 13 hingga 9 tahun, seperti di Negeri Sembilan dan Terengganu masing-masing 11 tahun dan Pulau Pinang 9 tahun (Zainuddin, 2023). Bagi tempoh 2013 hingga 2016 pula, rekod JPN mendedahkan 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tidak sah taraf, didaftarkan di seluruh negara. Justeru, secara purata kira-kira 140 bayi luar nikah dilahirkan setiap hari oleh ibu yang beragama Islam pada tahun lalu. Menurut JPN, pendaftaran semua kelahiran itu hanya membabitkan wanita Islam, kerana tiada status sedemikian untuk bukan Islam (Ahmad, 2016; Mohd Salleh, M.M., Ahmad, N.M. and Zahalan, N.M.H., 2019).

Dalam budaya hidup masyarakat Malaysia yang berpandukan gaya hidup bersyariat, adab dan adat ketimuran, institusi kekeluargaan mempunyai posisi yang sangat penting dan suci kerana ia mencerminkan nilai dan identiti masyarakat. Justeru, isu kelahiran anak tak sah taraf adalah suatu yang tidak sepatutnya berlaku. Ia bukan sahaja memberi kesan yang panjang terutamanya kepada anak-anak yang tidak bersalah ini, tetapi juga memberi kesan dari segi perundangan dan syariat Islam. Ini termasuk dalam hal berkaitan pewarisan harta pusaka, status agama anak dan lain-lain. Tujuan penulisan ini adalah untuk mengetahui sejauh mana kesan anak tak sah taraf yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia terhadap status agama anak tersebut menurut perspektif syariat Islam serta peruntukan

undang-undang yang ada di Malaysia. Secara spesifiknya, penulisan ini akan meneliti kes Rosliza Ibrahim bagi melihat aplikasi perundangan Syariah dan elemen perundangan yang berkaitan sekaligus mencadangkan ruang penambahbaikan bagi kes seumpama ini pada masa-masa akan datang.

Penulisan ini merupakan kajian kualitatif di mana metod kajian perpustakaan diaplikasikan dalam pengumpulan data iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, bab dalam buku, artikel jurnal dan dokumen perundangan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perbincangan dalam penulisan ini adalah bersifat untuk mendidik dan memberi pengajaran bukannya untuk menghukum anak yang tidak bersalah yang lahir bukan dari kehendak mereka tetapi lahir dari kekhilafan ibubapanya. Penulisan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, yang pertamanya adalah konsep anak tak sah taraf yang dilihat dari perspektif Islam dan undang-undang negara. Dalam kata lain, ia dilihat berdasarkan pandangan fuqaha' dan fatwa berkaitan anak tak sah taraf yang dikeluarkan oleh badan berautoriti di negara ini. Seterusnya, penulisan ini akan menganalisis anak tak sah taraf daripada perspektif perundangan serta melihat aplikasinya secara terperinci dalam kes Rosliza Ibrahim. Bahagian terakhir penulisan ini merumuskan keseluruhan perbincangan.

Konsep Anak Tak Sah Taraf

Terdapat beberapa pandangan ulama mengenai maksud anak tak sah taraf. Para fuqaha mendefinisikan anak tak sah taraf sebagai anak zina. Antaranya pandangan Wahbah az-Zuhailly (1989) yang mendefinisikan anak tak sah taraf sebagai anak hasil daripada hubungan ibu yang tidak syarie atau hasil daripada perhubungan yang haram. Manakala di dalam *Mausuah al-Kuwaitiyyah* yang diterbitkan oleh Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait (1982) pula, anak tak sah taraf ditakrifkan sebagai anak hasil daripada ibu yang melakukan perbuatan keji ataupun anak hasil daripada ibu yang melakukan zina tanpa pernikahan. Selain itu, Sheikh Muhamad bin Soleh al-Uthaimin (2007) menyatakan bahawa anak zina dicipta kan dari air yang keji (air mani) tanpa perkahwinan, maka tidak dinasabkan bagi sesiapa pun, tidak bagi penzina lelaki dan tidak juga kepada suami bagi perempuan itu jika ianya memiliki suami kerana tiada baginya (anak zina) bapa yang syarie. Berdasarkan pandangan-pandangan ulama dan fuqaha' di atas, walaupun pelbagai takrif anak tak sah taraf diberikan, namun ianya membawa maksud yang sama iaitu anak yang dilahirkan oleh ibunya hasil daripada perbuatan zina tanpa pernikahan yang sah.

Menurut syariat Islam, anak sah taraf diperolehi melalui tiga cara iaitu yang pertama pernikahan yang sah atau pernikahan yang fasid. Manakala yang kedua berlakunya persetubuhan shubhah di antara lelaki dan perempuan dan yang ketiga ialah melalui perakuan bapa bahawa anak berkenaan adalah anaknya (Wahbah az-Zuhailly, 1989). Perkahwinan merupakan kaedah yang disepakati dan tiada khilaf dalam pensabitan nasab atau mem 'bin' atau mem 'binti' kan seorang anak (al-Nawawi, t.t).

Imam empat mazhab dan mazhab zahiriah pula telah bersepakat bahawa anak tak sah taraf boleh dinasabkan kepada ibunya. Ini berdasarkan pandangan fuqaha antaranya pandangan Ibnu Nujaim. Anak mengikuti ibunya kerana hal tersebut adalah hal yang yakin bagi ibunya. Maka dengan itu, disabitkan nasab anak zina, anak lian dengan ibunya dan boleh mewarisi dan diwarisi. Ini kerana ibu dan anak seperti satu anggota sebelum berpisah (dilahirkan) (Ibn Nujaim, 2002). Menurut Imam Nawawi, anak adalah anaknya (ibu) walau dalam apa jua keadaan, tidak dinafikan daripada ibunya. Namun persoalannya, adakah nasab anak tak sah taraf boleh dinasabkan kepada bapanya? Asas kepada persoalan ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W [دُلُوْا شَارْفَل] yang bermaksud anak perlu dikaitkan dengan bapa yang melahirkannya melalui perkahwinan yang sah (Wahbah az-Zuhailly, 1989).

Ulama bersepakat bahawa anak hasil dari perkawinan yang sah di antara suami isteri dan tidak diingkari oleh suami maka anak tersebut adalah anaknya walaupun didakwa oleh orang lain bahawa anak tersebut anaknya, kerana hal ini lebih selamat dan anak tersebut anak yang syarie (Ibn Qudamah, tt.) Namun begitu, para ulama' khilaf tentang perlaksanaan kaedah pensabitan nasab melalui perkahwinan ini kepada beberapa pendapat;

Pandangan pertama: Majoriti ulama yang terdiri daripada mazhab Maliki, Syafie, Hanbali menyatakan bahawa akad nikah mensabitkan nasab dengan syarat wujud kemungkinan berlaku persetubuhan dari aspek zaman dan tempat. Sekiranya tidak mempunyai kemungkinan tersebut, maka nasab tidak dapat ditetapkan. Contohnya;

- i. Faktor zaman: jika seseorang berkahwin kemudian bercerai setelah akad nikah, maka nasab anak tidak boleh ditetapkan kepada suami. Begitu juga jika anak itu lahir kurang enam bulan qamariyyah selepas akad nikah, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepada ayah biologinya kerana sekurang-kurang hamil adalah enam bulan.
- ii. Faktor tempat: jika seorang lelaki berkahwin dengan seorang wanita melalui walinya tetapi tidak pernah bertemu dengan wanita itu. Kemudian selepas enam bulan, wanita berkenaan melahirkan anak. Anak berkenaan tetap tidak boleh dinasabkan kepada lelaki terbabit (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017).

Dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab (16/222), Syeikh Najib al-Muti'ie menyebut bahawa tiada khilaf dalam kalangan ahli ilmu bahawa anak zina tidak disabitkan nasab kepada lelaki yang berzina dengan ibu anak tersebut dan mereka tidak saling mewarisi. Mazhab Syafie dan Maliki tidak mengharamkan pernikahan antara mereka berdua tetapi memakruhkannya. Manakala mazhab Abu Hanifah dan Hanbali mengharamkannya. Imam Ibn Rusyd al-Maliki (w.595H) berkata: "Telah bersepakat jumur bahawa anak-anak zina tidak dinasabkan kepada ayah-ayah mereka melainkan jika berlaku semasa zaman Jahiliyyah kerana terdapat riwayat daripada Umar al-Khattab berkenaan khilaf para sahabat tentang perkara ini. Manakala satu sebahagian pihak memiliki pandangan syaz (pelik) yang mengatakan bahawa anak zina boleh dinasabkan kepada bapa mereka sewaktu zaman Islam." Rujuk Bidayah al-Mujtahid (4/142).

Pandangan kedua: Nasab boleh disabitkan dengan membuktikan persetubuhan hakiki sekalipun zina. Pandangan ini telah dipilih oleh Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah (Ibnu Muflih, t.t) dan Ibnu Qayyim. Salah satu riwayat dalam mazhab Hanafi sebagaimana yang disebut dalam kitab al-Mughni: Aku melihat dibolehkan sekiranya lelaki berzina dengan perempuan dan lahir seorang anak dari perzinaan itu untuk berkahwin dengan perempuan yang telah berzina bersamanya dan menutup aib tersebut serta anak hasil perbuatan zina itu adalah anaknya.

Imam Ibn Qudamah al-Hanbali (w.620H) menyebut: "*Anak zina tidak dinasabkan (kepada bapa biologinya) di sisi jumur ulama. Al-Hasan (al-Basri) dan Ibn Sirin berkata: Dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi itu jika ditegakkan hukum hudud ke atasnya (seperti sebatan 100 kali) dan anak itu boleh mewarisinya. Berkata Ibrahim (al-Nakhaie): Dinasabkan jika dihukum rotan sebagai hudud, atau memiliki wanita yang disetubuhi. Berkata Ishaq: Dinasabkan kepadanya. Ini juga disebut oleh Urwah (bin al-Zubair) dan Sulaiman bin Yasar. Ali bin Asim meriwayatkan daripada Abu Hanifah yang berkata: Aku melihat tiada masalah bagi seorang lelaki yang telah berzina dengan seorang wanita lalu dia hamil akibat itu untuk lelaki itu berkahwin dengannya supaya menutup (aib) ke atas wanita itu, dan anak itu dianggap anaknya.*" Rujuk al-Mughni (6/345).

Pandangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan mengenai Anak Tak Sah Taraf. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

Anak tak sah taraf ialah:

- i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
- ii. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

- iii. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut.

Oleh itu, mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali. Berdasarkan muzakarah tersebut, negeri Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kedah dan Pulau Pinang telah mengadaptasikan dan menjelaskan inti pati keputusan itu dalam fatwa di negeri masing-masing walaupun dengan menggunakan pelbagai sifah (*wording*) yang berbeza. Manakala fatwa negeri Perlis berbeza dengan negeri-negeri yang lain sebagaimana warta fatwa itu menyebut: “*Anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami*”. Di samping itu, terdapat empat negeri yang tidak mengeluarkan fatwa berkenaan anak tak sah taraf iaitu negeri Perak, Sabah, Pahang dan Kelantan.

Peruntukan Undang-Undang Mengenai Anak Tak Sah Taraf

Menurut seksyen 2 bagi Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 2004, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 2008, Ordinan Undang-Undang Sarawak 2001 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2019, menggunakan ungkapan yang sama dalam menafsirkan anak "tidak sah taraf" berhubung dengan seorang anak, iaitu yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah.

Persoalan siapakah yang boleh dikaitkan dengan bapa telah diperuntukkan dalam Seksyen 111 bagi Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor, Kelantan, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, dan Sabah. Manakala di dalam Seksyen 113 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2019 dan Seksyen 114 Ordinan Undang-Undang Sarawak memperuntukkan:

“Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li’an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.”

Maka dapatlah disimpulkan bahawa, berdasarkan akta atau enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, anak tak sah taraf didefinisikan sebagai anak luar nikah dan bukan dari wati‘ syubhah. Di samping itu, peruntukan undang-undang juga menetapkan tempoh minimum bagi sesuatu perkahwinan itu, bagi tujuan mengesah taraf anak yang lahir melaluinya ialah 6 bulan qamariah dan tempoh maksimum pula ialah 4 tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan dengan syarat perempuan itu tidak berkahwin dengan lelaki lain. Dalam masa yang sama juga, lelaki tersebut boleh menafikan pengesahan anak tersebut sebagai anaknya.

Kes Rosliza Ibrahim – Fakta dan Isu Perundangan

Kes ini merupakan suatu permohonan di bawah Seksyen 41 Akta Relief Spesifik 1950 yang dibuat oleh Pemohon yang bernama Rosliza binti Ibrahim di Mahkamah Tinggi. Permohonan tersebut dilakukan bagi mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Pemohon bukan beragama Islam. Pemohon merupakan seorang anak yang dilahirkan oleh ibunya, Yap Ah Mooi dan bapanya, Ibrahim pada 19 November 1981. Di dalam sijil kelahiran Pemohon menyatakan maklumat binti “Ibrahim”. Walaubagaimanapun, Yap Ah Mooi dan Ibrahim tidak pernah berkahwin semasa melahirkan Pemohon.

Pada 13 Januari tahun 1994, Ibrahim telah membuat satu permohonan kad pengenalan untuk si Pemohon dan di dalam kad pengenalan tersebut dinyatakan agama Pemohon sebagai “Islam” dan berkaum ‘Melayu”. Kemudian, pada 14 Januari tahun 1995, Ibrahim membuat permohonan kad pengenalan yang baru di mana di dalam kad pengenalan tersebut dinyatakan agama Ibrahim sebagai “Islam” dan berstatus “berkahwin”. Seterusnya pada 14 Februari tahun 1995, Yap Ah Mooi juga membuat permohonan kad pengenalan dan menyatakan bahawa dia beragama “Buddha”, berkaum “Cina” dan juga berstatus “berkahwin”. Berdasarkan kad pengenalan Pemohon, Ibrahim dan Yap Ah Mooi, mereka menyatakan satu alamat yang sama iaitu di Taman Maju Jaya, Kuala Lumpur. Hal ini secara tidak langsung memberi anggapan bahawa mereka merupakan sebuah keluarga meskipun hakikatnya Ibrahim dan Yap Ah Mooi tidak pernah berkahwin.

Sehubungan dengan itu, pada 8 Oktober tahun 2008, Yap Ah Mooi telah membuat satu Surat Akuan yang mengikrarkan beberapa perkara antaranya;-

- i. Rosliza merupakan anak mereka (Ibrahim dan Yap Ah Mooi);
- ii. Ibrahim dan Yap Ah Mooi adalah tidak berkahwin;
- iii. Rosliza tidak dibesarkan sebagai seorang Muslim.

Beberapa bulan selepas itu, Yap Ah Mooi telah meninggal dunia iaitu pada 7 Februari tahun 2009 dan Pemohon telah membawa perkara ini di Mahkamah Tinggi untuk mengesahkan bahawa Pemohon bukan beragama Islam melalui peruntukan Seksyen 41 Akta Relief Spesifik 1950. Pemohon telah membuat satu saman pemula di Mahkamah Tinggi Shah Alam di bawah peruntukan Seksyen 41 Akta Relief Spesifik 1950 bertujuan untuk Mahkamah membuat satu deklarasi bahawa;-

- i. Pemohon merupakan anak tidak sah taraf dan Yap Ah Mooi merupakan ibu kandungnya yang beragama Buddha;
- ii. Perkataan “ibu bapa” di dalam Seksyen 2 (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (2003) tidak digunakan untuk anak tidak sah taraf;
- iii. Bahawa Pemohon bukan orang yang beragama “Islam” maka segala Enakmen-Enakmen Negeri Selangor digubal di bawah Jadual 9 Senarai II yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai ke atas dirinya;
- iv. Semua Mahkamah Syariah di Negeri Selangor tidak mempunyai bidang kuasa ke atas Pemohon.

Mahkamah Tinggi menolak permohonan Pemohon kerana Pemohon gagal membuktikan kes atas imbalan kebarangkalian. Hal ini kerana, terdapat percanggahan berkenaan status agama Yap Ah Mooi seperti yang dinyatakan di dalam sijil kelahiran Pemohon dengan kad pengenalan yang dipohon oleh Yap Ah Mooi. Tambahan lagi, kad pengenalan Yap Ah Mooi menyatakan status “berkahwin” tetapi di dalam Surat Akuan yang dibuat oleh Yap Ah Mooi menyatakan yang sebaliknya.

Selain itu, Mahkamah Tinggi juga menolak bukti yang dibawa oleh Pemohon yang menyertakan surat-surat pengesahan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis dan Terengganu bahawa tidak ada mana-mana rekod perkahwinan mereka didaftarkan. Mahkamah Tinggi menyatakan ketiadaan rekod perkahwinan tidak membawa kepada apa-apa bukti bahawa tiada perkahwinan antara mereka. Maklumat yang terkandung di dalam kad pengenalan mereka yang jelas menyatakan status “berkahwin” serta alamat yang dinyatakan merujuk kepada alamat yang sama menyebabkan Mahkamah menolak permohonan tersebut.

Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati bahawa atas bukti-bukti tersebut, terdapat perkahwinan antara Ibrahim dan Yap Ah Mooi seterusnya mengesahkan status Pemohon sebagai seorang anak sah taraf di sisi undang-undang dan Pemohon tertakluk kepada Enakmen Undang-Undang Negeri Selangor. Maka, Mahkamah Tinggi menolak permohonan Pemohon atas alasan permohonan ini seharusnya didengari oleh Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi tiada bidang kuasa terhadap permohonan tersebut.

Apabila Pemohon membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan, Mahkamah telah merujuk kepada kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain* [2007]. Hakim Mahkamah Rayuan mengesahkan dapatan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi yang menyatakan permohonan tersebut seharusnya didengari oleh Mahkamah Syariah kerana Mahkamah Sivil tiada bidang kuasa ke atas orang Muslim bertepatan dengan Seksyen 6(1)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 dan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan di dalam kes-kes yang berkaitan orang Muslim.

Pada 20 Januari tahun 2020, Mahkamah Rayuan telah membenarkan permohonan Pemohon untuk membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan untuk menentukan dua persoalan undang-undang iaitu, sama ada berdasarkan penafsiran yang tepat terhadap Perkara 121 (1A) dan Butiran 1 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan berkenaan “sama ada seseorang itu adalah atau bukan orang Islam” berbanding “sama ada seseorang itu bukan lagi orang Islam”, dan juga persoalan sama ada kandungan kad pengenalan atau kandungan sebarang permohonan bertulis yang tidak dibuktikan melalui affidavit boleh dianggap sebagai fakta dibuktikan untuk deklarasi status di bawah Seksyen 41 Akta Relief Spesifik 1950.

Penghakiman Di Mahkamah Tinggi Dan Rayuan

Di peringkat Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi telah beranggapan telah berlakunya perkahwinan antara Ibrahim dan Yap Ah Moi. Perkahwinan tersebut berkemungkinan berlaku akan tetapi, perkahwinan tersebut tidak didaftarkan oleh mana-mana pihak pada mana-mana masa material. Seterusnya, Mahkamah Tinggi juga mendapati bahawa Perayu pada peringkat Mahkamah Tinggi tidak dibesar sebagai seorang muslim dalam tempoh 4 tahun semasa Ibrahim dan Yap Ah Moi hidup bersama. Oleh itu, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan menolak permohonan Plaintiff dan berpendapat bahawa Permohonan yang dipohon oleh Plaintiff adalah bahawa dia bukan lagi seorang beragama Islam. Perkara tersebut hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah kerana ia adalah berkenaan dengan urusan keluar agama Islam.

Penghakiman Mahkamah Persekutuan

Di dalam Mahkamah Persekutuan, kes ini telah didengari di hadapan 9 orang hakim sepertimana berikut:-

- i. YAA Tun Tengku Maimun (Ketua Hakim Negara)
- ii. YA Tan Sri Rohana Yusuf (Presiden Mahkamah Rayuan)
- iii. YA Tan Sri Dato Sri Azahar Mohamed (Ketua Hakim Malaya)
- iv. YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- v. YA Dato' Abdul Rahman Sebli (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- vi. YA Dato' Zabariah Mohd Yusof (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- vii. YA Dato' Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- viii. YA Dato Mary Lim Thiam Suan (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- ix. YA Dato Rhodzariah Bujang (Hakim Mahkamah Persekutuan)

Persoalan-Persoalan

Dua persoalan yang dipertimbangkan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu pertama, sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan memutuskan hal berkenaan dengan persoalan “sama ada seseorang itu menganut Islam” berbanding dengan persoalan “sama ada seseorang itu bukan lagi seorang Islam” dan kedua, sama ada kandungan permohonan bertulis untuk pendaftaran kad pengenalan atau kandungan kad pengenalan itu sendiri, yang tidak dibuktikan melalui affidavit atau dalam perbicaraan, boleh dianggap sebagai fakta terbukti bagi satu perisytiharan status di bawah seksyen 41 Akta Relif Spesifik 1950.

Penghakiman Majoriti

Secara ringkasnya, keseluruhan hakim bersetuju sebulat suara berkenaan dapatan Mahkamah Persekutuan terhadap bukti-bukti yang diberikan pihak-pihak di peringkat perbicaraan. Namun, terdapat pandangan yang berbeza oleh YA Tan Sri Dato Sri Azahar Mohamed (Ketua Hakim Malaya) dan YA Dato' Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim (Hakim Mahkamah Persekutuan) berkenaan dengan pemberian relief oleh majoriti hakim. Bagi keputusan majoriti, hakim-hakim membenarkan rayuan daripada perayu, mengetepikan Perintah Mahkamah-Mahkamah bawah serta membenarkan seluruh perintah. Bagi keputusan ini, Hakim-Hakim yang menyatakan pendirian yang sama adalah:

- i. YAA Tun Tengku Maimun (Ketua Hakim Negara)
- ii. YA Tan Sri Rohana Yusuf (Presiden Mahkamah Rayuan)
- iii. YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- iv. YA Dato' Abdul Rahman Sebli (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- v. YA Dato' Zabariah Mohd Yusof (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- vi. YA Dato Mary Lim Thiam Suan (Hakim Mahkamah Persekutuan)
- vii. YA Dato Rhodzariah Bujang (Hakim Mahkamah Persekutuan)

Pada penghakiman majoriti, Mahkamah telah memutuskan persoalan ke-2 dahulu iaitu bahawa kandungan permohonan bertulis untuk pendaftaran kad pengenalan atau kandungan kad pengenalan itu sendiri, yang tidak dibuktikan melalui affidavit atau dalam perbicaraan, tidak boleh dianggap sebagai fakta terbukti bagi satu perisytiharan status di bawah seksyen 41 Akta Relif Spesifik 1950 dan plaintif seorang anak tak sah taraf semasa beliau dilahirkan dan oleh kerana beliau tidak boleh dianggap sebagai seorang Islam. Alasan-alasannya adalah kerana kandungan sesuatu kad pengenalan dan sesuatu permohonan bertulis adalah bahan keterangan di mahkamah undang-undang dan mana-mana orang yang ingin membuktikan suatu fakta yang dipertikai tidak boleh bergantung hanya kepada kad pengenalannya atau kandungan permohonan bertulisnya sebagai bukti bahawa fakta yang didakwa itu. Beban pembuktian adalah masih terletak ke atas Ibrahim untuk membuktikan kebenaran fakta itu dan beliau perlu melakukannya melalui kaedah dan cara yang lain. Perkara tersebut adalah berpandukan kepada seksyen 24 Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, dalam menerima permohonan bertulis Ibrahim untuk kad pengenalannya sebagai bukti perkahwinan di antara Ibrahim dengan Yap Ah Moi memutuskan demikian dengan melanggar kehendak jelas seksyen 24 Peraturan tersebut dan dapatan tersebut adalah khilaf dan harus diketepikan. Seterusnya, Perayu di dalam kes ini telah berjaya membuktikan bahawa beliau adalah anak tak sah taraf melalui keterangan-keterangan daripadanya yang, dilihat secara menyeluruh, berjaya menimbulkan keraguan terhadap perkahwinan Ibrahim dan Yap Ah Moi. Seterusnya, dapatan Mahkamah Persekutuan daripada surat-surat Pihak Berkuasa Agama adalah jelas menjadi perakuan bebas yang kukuh yang menunjukkan bahawa tiada bukti mengenai perkahwinan antara Ibrahim dan Yap Ah Moi dilangsungkan pada setiap masa yang material. Selain itu, pernyataan Ibrahim dan Yap Ah Moi dalam permohonan kad pengenalan mereka bahawa mereka telah berkahwin adalah bukan satu bukti yang menunjukkan bahawa mereka sememangnya telah berkahwin. Justeru, andaian yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi mengenai kewujudan perkahwinan adalah tidak logik, kerana yang lebih logik adalah untuk mempercayai bahawa perkahwinan tersebut tidak wujud.

Mahkamah Persekutuan juga telah menggunakan pakai seksyen 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 kepada fakta kes yang membawa kepada konklusi bahawa plaintif adalah seorang anak tak sah taraf. Ini adalah kerana seksyen 111 ini terpakai kepada Ibrahim disebabkan beliau seorang Islam yang sekaligus menghalangnya dari menasabkan plaintif kepadanya. Selain itu, berdasarkan pentafsiran menyeluruh Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 terhadap seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, perkataan 'ibu bapanya' di dalam seksyen ini hanya merujuk kepada ibu bapa anak-anak sah taraf. Justeru, jika seksyen 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menjadikan seseorang anak itu tak sah taraf dan menghalang pemakaian nasab bapa kepadanya, maka adalah munasabah bahawa bapa itu tidak boleh dianggap sebagai bapa anak tersebut di sisi undang-

undang, yang bermakna plaintif tidak boleh dianggap sebagai seorang Islam di bawah seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Selain itu, Mahkamah Persekutuan juga menyatakan bahawa Ibrahim di bawah undang-undang sekular, tidak boleh memutuskan agama anaknya itu seperti mana yang dibuatnya pada tahun 1994 apabila memohon kad pengenalan Perayu, kerana, jika pun beliau mempunyai hak kebapaan yang dikatakan, hak tersebut, seperti yang diputuskan oleh *Indira Ghandi Mutho lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Lain-lain*, bukanlah hak yang boleh dilaksanakan olehnya seorang sahaja. Berkenaan dengan status Yap Ah Moi pula, Mahkamah Persekutuan mendapati bahawa Yap Ah Moi tidak boleh dianggap sebagai orang Melayu atau Islam atas alasan bahawa tiada bukti bahawa beliau beragama Islam semasa kelahiran Perayu, testimoni plaintif serta keterangan dokumentari semasa seperti pengataan Yap Ah Moi sewaktu memohon kad pengenalan dan mengikrarkan kenyataan bersumpahnya, jelas menunjukkan bahawa beliau tidak menganut Islam dan setelah mengambil kira rekod konsisten bahawa Yap Ah Moi adalah seorang berbangsa Cina, dakwaan tunggal Ibrahim bahawa Yap Ah Moi adalah seorang Melayu adalah suatu anomali.

Atas imbangan kebarangkalian, Yap Ah Moi adalah seorang beragama Buddha semasa plaintif dilahirkan, dan, oleh kerana tiada bukti yang beliau telah memeluk Islam, maka tentunya tiada juga bukti bahawa beliau adalah orang Melayu. Justeru, ianya tidak boleh dikatakan bahawa plaintif adalah 'seorang yang menganuti Islam' disebabkan fakta bahawa kedua ibu bapanya orang Islam sewaktu kelahirannya. Menjawab bagi persoalan pertama pula, Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa eksklusif untuk mendengar dan memutuskan hal berkenaan dengan persoalan identiti keperlembagaan seseorang. Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa Mahkamah Syariah hanya boleh melaksanakan bidang kuasanya terhadap seseorang berasaskan dua (2) syarat, iaitu orang itu hendaklah beragama Islam yang mana adalah bidang kuasa *ratione personae* iaitu di mana bidang kuasa bergantung kepada status peribadi orang tersebut dan hal perkara atas mana bidang kuasa hendak dilaksana oleh Mahkamah Syariah adalah hal perkara yang disebut secara ekspres dalam Item 1, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan Mahkamah Syariah tiada bidang kuasa jika kedua-dua bidang kuasa *ratione personae* dan *ratione materiae* tidak serentak wujud. Jika dilaksanakan juga adalah *ultra vires* dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya, perkataan 'dan' di fasal 11(1) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak untuk menganut dan mengamalkan agama seseorang menunjukkan bahawa ia bukan sahaja berkaitan dengan menganut tetapi termasuk bagaimana seseorang itu mengidentifikasikan dirinya dengan agama tersebut. Item 1 Senarai Negeri bagaimanapun secara khusus menggunakan perkataan 'menganut', dan oleh itu adalah nyata, dengan membandingkan fasal 11(1) dengan Item 1 Senarai Negeri, bahawa selagi seorang itu seorang Islam melalui identifikasi, ia tetaplah dianggap 'menganut agama Islam' di sisi undang-undang sama ada beliau mempraktikkannya ataupun tidak. Dalam konteks ini, terdapat perbezaan ketara antara 'menganut' dan 'menganut dan mempraktik'. Yang terdahulu adalah terma perlembagaan dan perlu dibicara di Mahkamah Sivil, sementara yang terkemudian adalah persoalan kepercayaan dan dogma dan termasuk ke dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah bersandarkan kepada fasal 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan betul dalam memutuskan bahawa perkara seorang Islam yang hendak meninggalkan agamanya adalah perkara mengenai 'kesalahan terhadap rukun Islam' dan oleh itu termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Namun, rumusan mereka bahawa plaintif adalah seorang Islam dibuat berdasarkan dapatan fakta yang salah bahawa ibu bapa plaintif adalah pasangan berkahwin semasa plaintif dilahirkan. Oleh kerana dapatan salah tersebut mengakibatkan pemakaian salah seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bahawa Perayu bukan merupakan seorang anak tak sah taraf, maka konklusi mahkamah-mahkamah di bawah ini tidak boleh dipertahankan.

Mentafsir maksud sesuatu peruntukan Perlembagaan seperti frasa 'menganut agama Islam' adalah suatu kuasa kehakiman yang secara amnya tergolong ke dalam kategori semakan kehakiman dan oleh itu

adalah suatu kuasa yang diberikan khusus dan hanya kepada Mahkamah Atasan Sivil. Pertikaian di sini secara intinya berkait dengan identiti berperlembagaan plaintif dan oleh itu menuntut suatu tafsiran berperlembagaan yang mana hanya Mahkamah Atasan Sivil sahaja yang berhak menanganinya. Walau apa pun, terdapat perbezaan ketara antara 'seorang yang sudah tidak lagi menganut agama Islam' dan 'seorang yang tidak pernah menganut agama Islam'. Yang terdahulu merujuk kepada kes peninggalan agama dan kerana itu termasuk dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah, sementara yang terkemudian, yang merupakan kes-kes *ab initio*, berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa terhadap kes-kes *ab initio* oleh kerana isunya bukan mengenai kepercayaan tetapi mengenai identiti seseorang di bawah Perlembagaan. Ianya mengikut bahawa Lina Joy, yang merupakan kes peninggalan agama, adalah berbeza dengan ketara sekali dari kes semasa.

Berdasarkan keterangan, Perayu juga tidak boleh menjadi seorang Islam di bawah mana-mana konteks seksyen 2 enakmen tersebut. Alasannya, tidak ada dari konteks di bawah seksyen tersebut boleh terpakai kepada kes Perayu. Maka konklusi semula jadi yang boleh dibuat adalah bahawa plaintif bukan, sebagai suatu perkara fakta, 'seorang yang menganut agama Islam' seperti yang dinyatakan di Item 1, Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana kes di sini adalah suatu kes *ab initio*, maka keputusan sekata Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan tidak boleh bertahan kerana ia dibuat berasaskan premis salah bahawa plaintif asalnya adalah seorang Islam yang hendak meninggalkan agamanya.

Penghakiman Minoriti

YA Tan Sri Dato Sri Azahar Mohamed dan YA Dato' Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim bersetuju dengan keputusan majoriti yang membenarkan permohonan (i), tetapi YA-YA tidak bersetuju dengan relief yang diberi. Pada penghakiman berbeza ini, permohonan (ii) dan (iii) memerlukan penelitian lanjut. Persoalan penting ini menyentuh sebab musabab keagamaan dan undang-undang dan memerlukan Mahkamah Sivil membuat keputusan berkaitan persoalan Undang-Undang Islam. Tidak boleh dinafikan atas pembacaan biasa s. 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 bahawa seorang anak yang lahir di luar nikah adalah anak tak sah taraf dan oleh itu nasab anak tersebut tidak boleh dikaitkan dengan bapanya. Adalah penting untuk dinyatakan, berhubung dengan perkataan nasab, bahawa tidak terdapat apa-apa autoriti atau penulisan khusus mengenainya, dan bahawa terma tersebut umumnya lebih difahami sebagai menyangkuti isu-isu hak penjagaan, kesahataran, pewarisan, pembahagian pusaka serta hak menggunakan nama keluarga atau keturunan, dan bukannya mengenai status keagamaan seorang anak tak sah taraf.

Justeru, tidak ada prinsip undang-undang Islam boleh dipetik dengan jelas dari peruntukan s. 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 bahawa status keagamaan perayu sebagai anak tak sah taraf adalah mengikuti agama ibu kandung semasa kelahirannya dan bukannya agama bapanya yang kebetulan beragama Islam. Dalam perkara yang mempunyai ramifikasi luas seperti ini, adalah penting bahawa wujud satu tahap kepastian dalam keputusan Mahkamah Tertinggi. Memang benar s. 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 terpakai kepada Ibrahim bagi mengikis nasab dirinya kepada perayu, namun, adalah tidak wajar bagi Mahkamah Sivil dalam menangani status keagamaan perayu semasa kelahirannya untuk memutuskan perkara itu dengan hanya berdasarkan kepada terma-terma peruntukan tersebut tanpa pengetahuan dan kefahaman mengenai jurisprudens perundangan Islam.

Persoalan mengenai status keagamaan perayu semasa kelahirannya menerobos ke bidang undang-undang Islam dan memerlukan pertimbangan serius, pengamatan serta pentafsiran wajar undang-undang berkenaan. Adalah jelas bahawa Mahkamah Sivil secara bersendirian tidak berkebolehan dan tidak berkelayakan untuk memutuskan isu ini. Selain itu, tiada kes-kes dahulu untuk mahkamah ini merujuk dan memutuskan isu berkenaan dengan konklusif dan muktamad secara bersendirian. Bagi menolak sebarang keraguan, adalah elok jika mahkamah ini mendapatkan pandangan pakar perundangan Islam bagi membantu mahkamah memutuskan isu ini. Sementara mahkamah ini berhak dan mampu untuk menangani isu teras, ia tidak harus dibuat tanpa bantuan pakar undang-undang Islam atas pertimbangan undang-undang Islam. Justeru, mengambil kira semua ini, pendapat pakar yang

diberi oleh Jawatankuasa Fatwa harus dipinta dan dipertimbang dalam memutuskan dengan muftamad isu di hadapan mahkamah ini.

Oleh yang demikian, Penghakiman Minoriti bersetuju untuk rayuan perayu dibenarkan, perintah-perintah mahkamah di bawah diketepikan dan satu perintah seperti dipohon permohonan (i) dibenarkan. Walaubagaimanapun, oleh kerana pandangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di bawah seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 tidak diperolehi oleh mahkamah, maka hakim-hakim dalam keputusan minoriti ini tidak dapat membuat apa-apa perintah berkaitan permohonan-permohonan (ii) dan (iii) yang dipohon.

Analisa/Komentar

Mahkamah Persekutuan dalam memutuskan dan mengisytiharkan bahawa Perayu adalah bukan sebagai orang Islam telah mengambil kira fakta-fakta bahawa Perayu sememangnya tidak pernah pada sepanjang masa material mengamalkan serta hidup dengan cara dan ajaran Islam, termasuklah fakta bahawa ibunya beragama Budha dan tidak pernah berkahwin dengan bapanya walaupun bapanya itu beragama Islam sekaligus menjadikan statusnya tidak sah taraf. Perayu juga tidak pernah dibesarkan dengan didikan agama Islam. Oleh yang demikian, dapatan Mahkamah dalam hal ini bahawa Perayu adalah bukan beragama Islam sejak dari asalnya lagi merupakan dapatan yang tepat dan betul. Dapatan yang hampir serupa juga pernah diputuskan sebelum ini oleh Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang dalam kes Fatimah Tan di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa Fatimah Tan diisytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuas hati pemelukannya Islamnya sewaktu berkahwin dengan suaminya masih belum sempurna dan jika tidak terus menyempurnakannya, maka seseorang itu tidak diterima menjadi Muslim malah kembali kepada status asalnya sebagai seorang bukan Islam pada kepercayaan asalnya melainkan dia mengucap syahadah dengan memenuhi syarat-syarat tertentu.¹

Dalam masa yang sama, Mahkamah Persekutuan juga dalam keputusannya mengiktiraf bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes yang melibatkan seseorang yang pada asalnya beragama Islam dan kemudiannya ingin murtad dan keluar dari agama Islam. Di perenggan 60 dan 61 penghakiman tersebut, ianya telah dinyatakan dengan jelas bahawa apabila seseorang itu telah menjadi Muslim, maka proses untuk murtad mesti mengikut hukum-hukum fiqh Islam. Seseorang itu tidak boleh meninggalkan Islam menurut keputusan sendiri semata-mata dan membelakangkan prosedur yang sah di Mahkamah Syariah:

*“[61] In other words, one cannot unilaterally on his own accord ‘renounce’ the religion of Islam. Doing so would amount to an offence against the precepts of Islam. In such an instance, the Syariah Court would have both jurisdictions *ratione personae* and *ratione materiae*.”*

Pendapat Berbeza (Dissenting Judgment)

Dalam penghakiman minoriti oleh Yang Arif Tan Sri Dato Sri Azahar Mohamed dan Yang Arif Dato’ Sri Hasnah Dato’ Mohammed Hashim, kedua-dua panel hakim mengambil pendekatan berbeza dalam menilai kes ini. Panel hakim bersetuju dengan penghakiman majoriti bahawa Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam kes ini adalah Mahkamah Sivil bagi menentukan identiti seseorang berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan dan menentukan perkara yang melibatkan persoalan identiti di bawah Perlembagaan Persekutuan seperti dalam kes ini.

YA Tan Sri Azahar membezakan kes ini dengan kes Lina Joy yang mana melibatkan kes berkenaan seorang Muslim yang ingin keluar dari Islam; kes murtad. Dalam kes murtad, Mahkamah Syariah adalah Mahkamah yang kompeten bagi menentukan serta memutuskan isu-isu sedemikian.² Manakala dalam kes Rosliza, ia adalah bagi menentukan status agama seseorang samada dia seorang Muslim atau

¹ *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Fatimah Tan bt. Abdullah* [2009] JH27/II, hlm 185

² *Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain* [2007] 3 CLJ 557

tidak. Kedua-dua jenis kes seperti ini dapat dibezakan seperti ini; kes murtad melibatkan seseorang Islam yang keluar agama yang mana pada asalnya adalah seorang Islam (*has been a Muslim*), manakala kes pengesahan status agama adalah melibatkan orang yang tidak jelas status agamanya sejak dari awal (*never been a Muslim*).

Bagi kes melibatkan penentuan status agama, ianya adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. YA Tan Sri Azahar telah merujuk kes duluan Dalip Kaur di mana dalam kes ini, Plaintiff, seorang ibu telah memohon satu deklarasi bahawa anaknya Gurdev Singh adalah bukan seorang Muslim pada masa kematiannya. Kes ini telah dibicarakan dan diputuskan di Mahkamah Tinggi Sivil Pulau Pinang di mana Mahkamah telah menolak permohonan dan tuntutan oleh Plaintiff atas alasan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Gurdev Singh telah murtad ataupun bersetuju untuk murtad. Adalah jelas berdasarkan fakta kes bahawa tiada sebarang keraguan bahawa beliau telah mati sebagai seorang Muslim.³ Berdasarkan hal ini, YA Tan Sri Azahar berpendapat bahawa bidang kuasa yang melibatkan kes penentuan status agama seperti ini adalah di bawah Mahkamah Sivil.

Di samping itu, kedua-dua panel hakim Yang Arif Tan Sri Dato Sri Azahar Mohamed dan Yang Arif Dato' Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim mengambil pendekatan berbeza dengan panel hakim majoriti dalam penghakiman mereka. Kedua-dua panel hakim berpendapat bahawa dalam menentukan samada perayu mempunyai hubungan nasab dengan bapanya yang beragama Islam, Mahkamah Sivil mestilah mendapatkan pandangan dari Jawatankuasa Fatwa. Panel hakim berpendapat bahawa isu penasaban adalah berkait dengan hukum Islam yang memerlukan kepada penilaian pendapat dari sudut fiqh dan hukum syarak yang mendalam. Oleh yang demikian, Mahkamah Sivil tidak sepatutnya membuat keputusan tanpa merujuk kepada pendapat Jawatankuasa Fatwa dalam kes-kes seperti ini.

Panel hakim berpendapat bahawa Seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 harus digunapakai dalam konteks ini bagi mendapatkan pandangan dan pendapat dari sudut Fatwa bagi kes-kes di Mahkamah Syariah mahupun Sivil. Hal ini adalah penting bagi memastikan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sivil adalah selaras dan tidak bercanggah dengan hukum Islam. Sekalipun Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini, pendapat Jawatankuasa Fatwa harus diambilkira kerana ianya melibatkan persoalan hukum syarak. Pendekatan seperti ini telah pun digunapakai oleh Mahkamah Sivil dalam membuat keputusan untuk beberapa kes terdahulu seperti dalam kes Dalip Kaur.

Justeru, Mahkamah Persekutuan dalam memutuskan kes ini telah membuat suatu keputusan yang tepat berkenaan bidangkuasa Mahkamah Sivil dalam membicarakan kes yang melibatkan penentuan status agama seseorang dengan mengekalkan serta mengikut dapatan terdahulu dalam kes-kes duluan yang telah diputuskan berhubung perkara yang sama. Keputusan ini dilihat tidak membuka 'floodgate' kepada cabaran terhadap peruntukan bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes yang melibatkan murtad kerana Mahkamah Persekutuan mengiktiraf kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun, dapatan dalam penghakiman minoriti oleh kedua-dua panel hakim Yang Arif Tan Sri Dato Sri Azahar Mohamed dan Yang Arif Dato' Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim berhubung peranan Jawatankuasa Fatwa dalam memutuskan hal-hal yang berkaitan dengan hukum syarak dan memerlukan perbincangan fiqh Islam seperti penasaban anak menunjukkan satu respon dan indikator positif akan pengiktirafan Mahkamah tertinggi Sivil terhadap peranan penting badan autoriti agama di negara kita. Hal ini secara tidak langsung membuka "mata" Mahkamah Sivil supaya tidak mendahului dalam memutuskan hal-hal yang bukan kepakaran mereka terutamanya dalam hal ehwal Islam supaya keputusan yang dibuat adalah adil, telus serta selaras dengan syarak.

³ *Dalip Kaur Gurbux Singh v. Pegawai Polis Daerah (OCPD), Bukit Mertajam & Anor* [1991] 1 CLJ (Rep) 77

Kesimpulan

Daripada perbincangan ini jelaslah bahawa syariat Islam mempunyai kaedah kekeluargaan yang cukup jelas dan terancang. Pada asasnya dalam Islam hubungan kekeluargaan akan terbentuk apabila berlakunya perkahwinan yang sah mengikut hukum syarak. Oleh sebab itu, apabila kedatangan Islam, ia telah menghapuskan sistem anak angkat yang dijadikan asas dalam pembentukan sesebuah keluarga dengan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat. Sistem sebegini agak rapuh kerana tidak mampu menjamin ikatan kekeluargaan yang terkawal. Oleh sebab Islam tidak mengiktiraf anak zina sebagai anak yang mempunyai ikatan kekeluargaan yang sah dengan bapa biologinya kerana bagi Islam hanya dengan pernikahan yang sah sahaja yang menjadi asas terjadinya ikatan kekeluargaan. Islam menggalakkan umatnya untuk berkahwin agar dapat mengembangkan keturunan, menjaga agama serta merapatkan hubungan silaturahim antara sesebuah keluarga. Namun begitu, keadaan akan berlaku sebaliknya jika perkahwinan itu tidak menepati hukum syarak serta tidak mengikut lunas undang-undang yang diperuntukkan. Sesebuah perkahwinan yang berlaku tanpa melalui saluran yang betul akan memberi kesan kepada hubungan kekeluargaan yang telah dibina antara pihak lelaki mahu pun pihak perempuan, bahkan lebih malang lagi turut memberi impak yang negatif kepada anak yang dilahirkan hasil dari sesebuah perkahwinan tersebut.

Justeru, sebagai masyarakat Islam yang prihatin, kita perlulah sedar bahawa institusi kekeluargaan wajib dipertahankan kerana punca terbesar keruntuhan sesebuah masyarakat adalah berpunca daripada kehancuran institusi keluarga. Apabila institusi keluarga telah runtuh, tanggungjawab untuk memelihara dan memulihara masyarakat akan lebih terarah kepada pihak pemerintah. Walau bagaimana hebat sekalipun usaha kerajaan dalam membendung gejala anak tak sah taraf ini pada akhirnya usaha dan tindakan dari ahli keluarga jugalah yang menjadi titik utama dalam memastikan kadar anak tak sah taraf di Malaysia dapat dibendung sepenuhnya. Seperti mana yang pernah diungkapkan oleh Soekarno ilmunya adalah "Beri aku 1.000 orang tua, niscaya akan kucabut semeru dari akarnya, beri aku 10 pemuda, niscaya akan kuguncangkan dunia".

Rujukan

- Ahmad, S. (2016, September 13). 159,725 anak tak sah taraf didaftar sejak 2013: JPN. Berita Harian Online. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/node/192319>.
- al-Hanafi, Imam Ibnu Nujaim. 2002. *al-Bahr ar-Raiq Syarh Kanzu al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Ihya al-Tsuras al-Arabi
- al-Nawawi (n.d). *alMajmuk syarh al- Muhazzab*,(17/452) Idarah al-Tibaah al-Maniriah, Qaherah.
- Ibnu Muflih, *al-Mubdi' syarh Zad al-Mustaqni'*(7/70) Dar al-Kutub al-Ilmiyyah-Beirut
- Ibnu Qudamah, *al-Mughni*,(6/345) Maktab Qaherah. Ibnu Abdi al-Bar, *al-Tamhid*, (8/190) Wizarah al-Auqaf wa Syuun al-Islamiyyah- Maghrib
- Mohd Salleh, M.M., Ahmad, N.M. dan Zahalan, N.M.H. 2019. Pengurusan Dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui 'Baby Hatch': Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah Dan Undang-Undang Malaysia: Management and Protection of Illegitimate Child through 'Baby Hatch': An Analysis from the Perspectives of Maqasid Syariah and Malaysian Legal System. *Abqari Journal*. 13, 1 (Feb. 2019), 87–102. DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol13no1.70>.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2017, 1 Ogos). Bayan Linnas Siri Ke-106 : Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah" Kepada Anak Tidak Sah Taraf Oleh Mahkamah Rayuan. Diakses dari: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>
- Sheikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin (2007). *As-Syarh al-Mumti' Fi Syarh Zad al-Mustaqni'* (4/253), Dar Ibnu al-Jauzi 4/253.
- Wahbah al- Zuhayli (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh*. Dar Al-Fikr Al-Mouaser. Dashiki.
- Wizārat al-Awqāf wa-al-Shu'ūn al-Islāmīyah, Kuwait (1982). *al-Mawsu'ah al-fiqhiyyah*

Zainuddin, Z. R. (2023). Kelahiran Anak Luar Nikah Membimbangkan, Sinar Harian. Diakses dari: <https://www.sinarharian.com.my/article/272094/berita/nasional/kelahiran-anak-luar-nikah-membimbangkan>